

20/08/1998

Kajian Sungai Selangor bermula tahun depan

Saring Sirad

KLANG, Rabu - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor diberi tanggungjawab menjalankan kajian menjadikan Sungai Selangor sebagai projek printis bagi pengurusan sungai di negara ini.

Timbalan Pengarah JPS Selangor, Rahmat Sharif berkata, pihaknya akan menjalankan kajian sejajar arahan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kajian dimulakan tahun depan dan berharap dapat melaksanakannya mengikut rancangan jangka panjang, sekali gus menyelesaikan masalah sampah di sungai berkenaan.

"Perdana Menteri mahu satu kajian dibuat bagi melaksanakan projek printis untuk pengurusan sungai di negara ini di Sungai Selangor."

"Kajian menyeluruh itu termasuk pelancongan, ekologi, alam sekitar, pemuliharaan alam semula jadi seperti mengekalkan serangga kelip-kelip dan keindahan sungai," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan bila kajian projek printis itu akan disiapkan.

Sementara itu, jurutera JPS Daerah Kuala Selangor, Nor Rafidah Dan berkata, JPS daerah akan memasang perangkap sampah di Batang Berjantai bagi mengatasi kekotoran di Sungai Selangor tidak lama lagi.

"Tender bagi tujuan itu akan dikeluarkan dan akan dibina sebaik sahaja kontraktor dilantik," katanya.

Menurutnya, JPS daerah memang mempunyai cadangan membina perangkap sampah berikutan rungutan orang ramai terutama pelancong yang datang menyaksikan kelip-kelip mendapati sungai itu kotor.

"Bagaimanapun, ia tertangguh disebabkan masalah kewangan dan baru-baru ini JPS sudah menerima peruntukan bagi pembinaan perangkap sampah itu," katanya.

Nor Rafidah berkata, pihaknya menyedari kekotoran di kawasan Taman Kelip-kelip itu tetapi ia bukan disebabkan oleh sampah sarap tempatan sebaliknya dari kawasan hulu yang sedang pesat membangun.

"Mereka di kawasan hulu membuang sampah ke dalam sungai dan akhirnya sampah itu turun ke hilir apabila air surut," katanya.

Beliau berharap orang ramai, terutama mereka yang tinggal di kawasan hulu Sungai Selangor jangan membuang sampah ke dalam sungai yang boleh mencemarkan sungai itu.

Khamis lalu, akhbar ini menyiarkan rungutan pelancong luar negara yang berkunjung ke Taman Kelip-kelip Kampung Kuantan mengkagumi keindahan cahaya serangga itu tetapi kecewa dengan keadaan permukaan sungai yang dipenuhi sampah sarap.

(END)